

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**  
**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**  
**SOALAN : Puan Mas Ermieyati binti Samsudin minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-**

- (a) Sehingga hari ini, berapa ramaikah Agropreneur Muda yang berjaya dilahirkan melalui program Unit Agropreneur Muda (UAM) ; dan
- (b) Adakah Kerajaan akan berjaya mencapai sasaran melahirkan 1200 Agropreneur iaitu golongan muda yang terlibat dalam bidang keusahawanan pertanian sepanjang tahun ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

(a) Sehingga Mei 2014, seramai 1,912 belia telah berdaftar untuk mengikuti Program Pembangunan Agropreneur Muda. Seramai 965 belia telah memulakan projek manakala baki 947 belia merupakan golongan belia yang amat berminat untuk menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya pilihan.

(b) Sasaran untuk melahirkan 1,200 Agropreneur Muda yang terlibat dalam bidang keusahawanan pertanian sepanjang tahun ini tidak mustahil untuk dicapai memandangkan jumlah penyertaan yang diterima telah melebihi angka tersebut. Seramai 94 Agropreneur Muda telah membuat permohonan pembiayaan Agrobank dan TEKUN Nasional bagi melaksanakan projek-projek pertanian. Daripada jumlah ini, seramai 24 Agropreneur Muda telah mendapat bantuan pembiayaan dengan kelulusan keseluruhan berjumlah RM1.87 juta. Sementara itu, pihak kementerian dengan kerjasama jabatan dan agensi di bawah kementerian sedang melaksanakan program latihan & bimbingan teknikal serta kewangan dan penyediaan kertas Rancangan Perniagaan kepada belia yang berminat untuk melaksanakan projek-projek pertanian dan industri asas tani.